

4.0 ASPEK SENI BAHASA

S.P 4.1.2 Memahami dan mengapresiasi karya puisi dengan memberikan respons peribadi tentang maksud tersurat dan tersirat dalam sesuatu puisi.

SAJAK PESAN IBU BERIBU-RIBU

Tarikh : _____

Aktiviti 1 (MAKSUD) : Padankan rangkap sajak dengan maksudnya yang betul.

Rangkap	Maksud (Maksud Tersurat)
Kita ada ibu ibu kita satu pesanannya beribu-ribu.	Setiap orang anak mempunyai seorang ibu sahaja tetapi pesanan ibu kepada anak adalah banyak.
Setiap langkah kita diiringi pesanan ibu "Buat begini jangan begitu bacalah buku selalu kukuhkan diri dengan ilmu pilihlah kawan yang mulia hati tolaklah kawan pementing diri pilihlah kawan yang punya petunjuk tolaklah kawan bertabiat buruk." ibu yang satu menyekat kita di pintu bertanya ke mana arah tuju "Jagalah diri selalu di luar sana mungkin bencana menunggu." Kita menjadi jemu mendengar pesanan beribu-ribu tapi ibu tetap ibu pesanan bertambah satu dan satu "Jangan dibiarkan kepala berkutu Carilah ubat jerawat batu."	Pesanan ibu kepada anak meliputi keseluruhan kehidupan anaknya. Ibu berpesan agar anaknya rajin belajar supaya dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan berhati-hati dalam memilih kawan. Ibu juga berpesan agar anaknya mencari rakan yang baik dan menjauhi rakan yang boleh mempengaruhi anaknya melakukan perkara yang negatif. Ibu berpesan lagi agar si anak berwaspada ketika keluar dari rumah kerana bimbang akan bahaya yang mungkin menimpa. Walaupun si anak berasa jemu dengan setiap pesanan ibu namun ibu tidak pernah berhenti berpesan. Pesanannya sentiasa bertambah dari sehari ke sehari, termasuklah pesanan agar si anak menjaga kesihatan diri.
Suatu senja seorang temanku merintih kerana kehilangan kekasih kini baru disedarinya pilihan musang berbulu anab biarpun menyamar cekap ada masa termasuk perangkap Si Bedul sudah ditangkap Si Bedul di dalam lokap.	Akhirnya penyajak mengakui bahawa ibunya lebih arif dalam menilai perkara yang baik dan yang buruk. Penyajak sanggup menerima lebih banyak pesanan ibunya kerana dia tidak akan bosan mendengarnya. Penyajak sedar bahawa sepenuhnya tanggungjawab seorang ibu apabila beliau dapat menyampaikan pesanan yang baik kepada anaknya.
Dia menyatakan kesalnya kerana dia alpa ibunya berpesan sejak dulu "Pilihlah kawan yang bermutu Jangan dipilih kawan berhantu." Mengenangkan nasib temanku itu aku merindui pesanan ibu. Ya, pesanan ibu.	Ketika itu rakan penyajak menyedari bahawa dia telah mengabaikan pesanan ibunya agar berhati-hati dalam memilih rakan. Setelah itu, penyajak mula mengakui kebenaran pesanan ibunya dan merindui pesanan-pesanan ibunya.
Ibu, kuyakini kau mengenali yang mana permata, yang mana kaca yang mana budaya, yang mana buaya, berilah pesanan beribu-ribu malah berpuluh ribu aku tidak akan jemu ini janjiku kerana aku tahu sempurna seorang ibu dengan pesanan beribu-ribu.	Suatu hari penyajak melihat rakannya bersedih kerana telah ditinggalkan oleh kekasihnya. Dia baru menyedari bahawa kekasihnya ialah seorang penipu dan telah ditangkap.

4.0 ASPEK SENI BAHASA

S.P 4.1.2 Memahami dan mengapresiasi karya puisi dengan memberikan respons peribadi tentang maksud tersurat dan tersirat dalam sesuatu puisi.

Aktiviti 2 (TEMA DAN PERSOALAN) :

TEMA	PERSOALAN
• Perkara utama yang diceritakan dalam karya / cerita yang dikaji.	• Perkara sampingan yang diceritakan dalam karya / cerita yang dikaji • Biasanya dimulakan dengan frasa 'Persoalan tentang'

Tentukan sama ada pernyataan yang diberi merupakan tema atau persoalan.

Pernyataan	Tema / Persoalan
Persoalan tentang kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya.	
Seorang ibu yang tidak pernah jemu berpesan dan memberikan nasihat kepada anak kesayangannya supaya tidak tersalah memilih jalan hidup.	
Persoalan tentang pentingnya ilmu pengetahuan sebagai penyuluh kehidupan manusia.	
Persoalan tentang kepentingan menjaga kesihatan diri.	

Aktiviti 3 (BENTUK) : Pilih jawapan yang sesuai untuk melengkapkan bentuk sajak yang dikaji.

tiga

sepuluh

bebas

sembilan

18

lapan

dua hingga 16 suku kata

satu hingga tujuh patah kata

lima

bebas

- Sajak ini berbentuk _____.
- Sajak ini terdiri daripada _____ rangkap.
- Bilangan baris pada setiap rangkap adalah tidak sama, iaitu ;
Rangkap 1 (_____ baris); Rangkap 2 (_____ baris); Rangkap 3 (_____ baris);
Rangkap 4 (_____ baris); Rangkap 5 (_____ baris)
- **Bilangan patah perkataan** bagi setiap baris sajak ini antara _____.
- **Jumlah suku kata** dalam sajak ini antara _____.
- Rima akhirnya _____.

4.0 ASPEK SENI BAHASA

S.P 4.1.2 Memahami dan mengapresiasi karya puisi dengan memberikan respons peribadi tentang maksud tersurat dan tersirat dalam sesuatu puisi.

Aktiviti 4 (GAYA BAHASA) : Padankan gaya bahasa dengan contohnya yang sesuai.

Bil	Gaya Bahasa	Penerangan	Contoh
1	Asonansi	Pengulangan huruf vokal (a, e, i, o, u)	<u>Si Bedul</u> sudah ditangkap <u>Si Bedul</u> di dalam lokap
2	Aliterasi	Pengulangan huruf konsonan (selain huruf a, e, i, o, u)	tapi <u>ibu</u> tetap <u>ibu</u>
3	Anafora	Pengulangan perkataan yang sama pada awal baris	musang berbulu ayam
4	Responsi	Pengulangan perkataan yang sama di tengah baris	<u>kerana</u> <u>kehilangan</u> <u>kekasih</u>
5	Repitisi	Pengulangan perkataan dalam baris yang sama	Setiap langkah <u>kita diiringi</u> pesanan <u>ibu</u>
6	Perlambangan	Menggunakan sesuatu untuk melambangkan sesuatu perkara	pilihlah <u>kawan</u> yang mulia hati tolaklah <u>kawan</u> pementing diri

Aktiviti 5 (NILAI DAN PENGAJARAN) : Padankan nilai dengan pengajaran yang sesuai.

Bil	Nilai	Pengajaran
1	Kasih Sayang	Kita haruslah segera menginsafi kesilapan yang dilakukan.
2	Kesungguhan	Kita mestilah taat kepada perintah dan pesanan yang diberikan oleh kedua-dua orang tua kita.
3	Kebijaksanaan	Kita hendaklah menyayangi ibu yang sentiasa memberi pesanan kepada kita.
4	Keinsafan	Kita sewajarnya menunaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan sebaik-baiknya.
5	Tanggungjawab	Kita hendaklah bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu.
6	Ketaatan	Kita perlulah bijak dalam memilih sahabat.